

28 AUG 1997

COOK MINTA PEMBERITA TIDAK SAPU JANGGUTNYA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perbuatan pemberita Malaysia menghulurkan perakam suara betul-betul ke muka orang yang mereka temui memang biasa berlaku di negara ini.

Amalan itu sudah diterima sebagai sebahagian daripada cara mereka bertugas oleh tokoh-tokoh besar seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi lain pula dengan Setiausaha Luar Britain Robin Cook yang dikerumuni wartawan di lobi Wisma Putra selepas pertemuannya dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena lawatannya ke Malaysia.

"Minta maaf, tolong jangan datang terlalu dekat seolah-olah anda mahu menyapu janggut saya. Ini tidak akan kelihatan menarik dalam kamera," katanya disambut ketawa wakil-wakil media Britain.

Mungkin pemberita tempatan akan mengambil iktibar daripada peristiwa itu dan berhati-hati di masa depan. -- BERNAMA

MAM MAI